

24/01/2003

700 peserta dibenar memancing

M Zali Kasran

PERTANDINGAN Memancing Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah pada 15 Februari ini dikenal pasti antara penyumbang kepada peningkatan industri pelancongan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Ini berikutan ramai pemancing dari seluruh negara mengambil bahagian pertandingan di Tasik Putrajaya sejak 2001 lalu. Kehadiran mereka yang disertai ahli keluarga sekali gus meningkatkan lagi jumlah pelancong domestik ke Putrajaya.

"Perbadanan Putrajaya sudah menetapkan bahawa setiap tahun dua pertandingan memancing akan diadakan di Tasik Putrajaya iaitu sempena sambutan Hari Wilayah dan Bulan Kemerdekaan.

"Tahun ini, pertandingan yang akan diadakan pada 15 Februari ini dijangka disertai 700 peserta iaitu jumlah paling ramai berbanding tiga pertandingan sama sebelum ini," kata Pengarah Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, Shamsiah Jamaluddin, pada sidang akhbar sempena sambutan Hari Wilayah di Putrajaya, Jumaat lalu.

Hadir sama Pengarah Perkhidmatan Bandar, Abdul Ghani Ahmad, dan Timbalan Pengarah Pentadbiran Tanah, Haitamin Ishak.

Sebelum ini, Perbadanan Putrajaya menyediakan ruang kepada 600 peserta.

Pelbagai acara disusun sempena ulang tahun kedua Wilayah Persekutuan Putrajaya kali ini termasuk pertandingan kenu jemputan antarabangsa, pertandingan seni suara burung merbuk, pesta aneka budaya, karnival komuniti Putrajaya dan pertunjukan bunga api.

Pelancaran sambutan kali ini dijadual disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Taman Botani iaitu satu lagi mercu tanda pelancongan Putrajaya. Bagi pertandingan kenu, 17 negara sudah mengesahkan penyertaan.

Shamsiah berkata, setakat ini, lebih 200,000 pelancong asing melawat Putrajaya. Jumlah itu dijangka meningkat apabila lebih banyak kemudahan dan tempat menarik di Putrajaya siap sepenuhnya termasuk hotel, Taman Botani dan kemudahan feri.

Pertandingan Memancing Putrajaya menyediakan hadiah wang tunai keseluruhan RM8,000 dengan juara menerima RM3,000, kedua RM2,000 dan ketiga RM1,000. Sepuluh pemenang hadiah sagu hati pula akan menerima RM200 dan hadiah iringan lain.

Pemancing yang berminat menyertai pertandingan ini boleh mendaftar di Balai Berita Kuala Lumpur atau hubungi 03-20569471 (Shaidah/Osman/Zali/Nasir/Zainuddin).